

PANDANGAN GURU TERHADAP PENGURANGAN WAKTU PENGAJARAN KEMAHIRAN HIDUP BERSEPADU DARIPADA EMPAT WAKTU KEPADA TIGA WAKTU: SATU TINJAUAN DI SEKOLAH MENENGAH DAERAH HILIR PERAK

Abd Wahid Mukhari & Liew Pui San
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia

ABSTRAK: Mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian Teras dan Bahagian Pilihan. Terdapat banyak topik yang guru perlu mengajar bagi menghabiskan silibus dalam tempoh masa yang ditetapkan. Pengurangan waktu pengajaran daripada empat waktu kepada tiga waktu seminggu mungkin menimbulkan masalah kepada guru dalam proses pembelajaran. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pandangan guru terhadap kesan pengurangan waktu pengajaran Kemahiran Hidup Bersepadu daripada empat waktu kepada tiga waktu di Sekolah Menengah daerah Hilir Perak. Seramai 62 orang guru Kemahiran Hidup Bersepadu daripada 11 buah Sekolah Menengah daerah Hilir Perak telah dipilih sebagai responden kajian. Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan satu set soal selidik yang diedarkan kepada guru-guru tersebut. Data yang diperolehi dianalisis secara statistik deskriptif dengan menggunakan perisian *Statistical Packages For Social Sciences* (SPSS) Versi 11.0. Kajian rintis memperolehi keputusan pekali alpha sebanyak 0.845. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa (i) pengurangan waktu pengajaran menyebabkan pelajar menghadapi kesuntukan masa untuk menjalankan aktiviti amali di bengkel (ii) pengurangan waktu pengajaran menyebabkan responden kesukaran menilai kerja amali pelajar.

ABSTRACT: Living Skills subject is divided into two sections which are the core section and optional section. There are a lot of topics to be covered by the teachers in order to finish the syllabus on time. The reduction of teaching period from four periods to three periods in a week, may cause problems during learning process. The purpose of this study is to identify the perceptions of teachers on the effect of period reduction of Living Skills teaching period from four periods to three periods in secondary school Hilir Perak district. A total of 62 Living Skills teachers from 11 secondary schools Hilir Perak district were selected as respondents of this study. A set of questionnaire was distributed to those selected teachers. Data were analysed using *Statistical Packages For Social Sciences* (SPSS) Version 11.0. The value of alpha for the pilot test conducted was 0.845. Findings of the study indicated that the reduction of the teaching period had caused to (i) inadequate time for students to complete their projects due to limited time in the lab (ii) inadequate time for teachers to access the students work.

Kata Kunci: *Statistical Packages For Social Sciences* (SPSS), Kemahiran Hidup

PENGENALAN

Kementerian Pendidikan memperkenalkan mata pelajaran Kemahiran Bersepadu yang merupakan satu mata pelajaran teras berunsurkan teknologi dalam Tingkatan 1 hingga 3. Mata pelajaran ini digubal berlandaskan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Ia dirancang untuk meningkatkan lagi daya pengeluaran negara melalui penglibatan masyarakat dan tenaga kerja secara produktif berlandaskan teknologi sejajar dengan dasar dan keperluan negara (Rafie, 2000 dalam Pusat Perkembangan Kurikulum 2000). "Tujuan mata pelajaran ini adalah untuk membekalkan pelajar-pelajar dengan kemahiran asas bagi membolehkan mereka mengendalikan kehidupan seharian secara produktif dalam dunia teknologi dan perdagangan" (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1989).

Pernyataan Masalah

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pandangan guru terhadap pengurangan waktu pengajaran Kemahiran Hidup Bersepadu daripada empat waktu kepada tiga waktu. Satu tinjauan di sekolah Menengah dalam daerah Hilir Perak.

Objektif

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- 1 Mengenalpasti pandangan guru Kemahiran Hidup Bersepadu mengenai kesan pengurangan waktu terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu.
- 2 Mengenalpasti pandangan guru Kemahiran Hidup Bersepadu mengenai kesan pengurangan waktu terhadap pengurusan bengkel Kemahiran Hidup Bersepadu.
- 3 Mengenalpasti pandangan guru Kemahiran Hidup Bersepadu mengenai kesan pengurangan waktu terhadap penilaian dan pelaksanaan kerja kursus Kemahiran Hidup Bersepadu.

Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu pihak jabatan pendidikan dan sekolah meningkatkan pembelajaran pelajar mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu. Pengkaji berharap daripada kajian yang dibuat akan dapat:

- 1 Sebagai maklum balas kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia tentang beban tugas guru-guru Kemahiran Hidup Bersepadu selain mengajar dan menguruskan bengkel.
- 2 Sebagai rujukan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia mempertimbangkan penyelarasan jadual waktu Kemahiran Hidup Bersepadu yang berkaitan pengurangan waktu pengajaran daripada empat waktu kepada tiga waktu.
- 3 Sebagai rujukan kepada Pusat Perkembangan Kurikulum bagi menyesuaikan perancangan Kurikulum dengan tahap kemampuan pelajar-pelajar pada masa yang akan datang khususnya untuk guru-guru sekolah menengah di negeri Perak.
- 4 Sebagai rujukan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Perak atau Pejabat Pendidikan Daerah Perak dalam membantu mengadakan perkongsian kursus-kursus yang berkaitan bagi mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu khususnya untuk guru-guru sekolah menengah di negeri Perak.
- 5 Sebagai garis panduan kepada guru-guru dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran dan perancangan mengajar mereka untuk meningkatkan pembelajaran para pelajar dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu. Mereka juga akan dapat melengkapkan diri dengan pengetahuan serta kemahiran yang mencukupi supaya dapat mengendalikan pengajaran dengan lebih baik, efektif dan berkesan.

Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pandangan guru terhadap pengurangan waktu pengajaran Kemahiran Hidup Bersepadu daripada empat waktu kepada tiga waktu. Satu tinjauan di Sekolah Menengah Daerah Hilir Perak.

- 1 Kajian ini tidak menyentuh aspek kualiti pengajaran dan pengurusan bengkel yang dikendalikan oleh guru-guru Kemahiran Hidup Bersepadu.
- 2 Kajian ini terbatas kepada guru-guru Kemahiran Hidup Bersepadu iaitu di Sekolah Menengah di Hilir Perak.
- 3 Kejituan kajian ini bergantung kepada sejauh mana guru menjawab soal selidik dengan jujur dan perihatin.

METODOLOGI

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian terdiri daripada semua guru yang mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu di 22 buah sekolah menengah kebangsaan daripada 11 buah sekolah menengah kebangsaan di daerah Hilir Perak, Perak Darul Ridzuan dengan mengambil 50 peratus daripada populasi sebanyak 11 buah sekolah telah dikenalpasti secara rawak. Responden guru iaitu 62 orang di sekolah ini dijadikan sampel kajian. Sekolah yang dipilih di Hilir Perak iaitu SMK Abdul Rahman Talib, SMK Convent, SMK Horley Methodist, SMK Raja Muda Musa, SMK Sains, SMK San Min, SMK Seri Kandi, SMK Seri Perak, SMK Seri Setia, SMK ST Anthony dan SMK Sultan Abdul Aziz.

Penyelidik menggunakan kaedah pensampelan rawak mudah. Pensampelan rawak mudah ialah proses mencabut sampel di mana unit-unit dipilih secara individu dan langsung melalui proses yang rawak. Pensampelan rawak adalah metode yang mudah bagi memilih unit ataupun responden dan adalah asas kepada bentuk-bentuk pensampelan yang lain. Ia sesuai digunakan apabila populasi mempunyai sifat yang hampir seragam (Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamuludin Ramli, Yusof Boon dan Rahim Hamdan, 2007).

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini merupakan satu set soal selidik yang disediakan berdasarkan objektif kajian. Kelebihan menggunakan kaedah ini adalah responden hanya memerlukan masa yang sedikit untuk menjawab soalselidik. Selain itu, kaedah ini juga menjimatkan masa, kos dan mudah mendapatkan kerjasama daripada responden dan juga menghasilkan item-item yang konsisten dan boleh dipercayai.

Soal selidik dipilih sebagai instrumen dalam kajian ini kerana instrumen ini selalu digunakan untuk mengukur konsep yang berkaitan dengan sikap, persepsi dan pandangan, selain keterangan latar belakang (Oppenheim, 1996 dalam Mohd Najib, 1999).

Penggunaan soal selidik adalah salah satu kaedah yang paling popular di kalangan penyelidik kerana mudah ditadbir setelah dibina dengan baik dan data juga senang diproseskan untuk dianalisis (Mohd Najib, 1999).

Menurut Mohd. Sheffie Abu Bakar (1991), soal selidik merupakan nadi kaji selidik dengan ertikata ia merupakan pengganti diri penyelidik. Ia boleh diagihkan dengan cepat, mudah dan meliputi kawasan yang luas. Ia juga mempunyai faedah dari segi kos dan masa.

Di dalam borang soal selidik ini terdapat 2 bahagian iaitu bahagian A dan Bahagian B.

Bahagian A: Demografi dan Latar Belakang Responden

Bahagian A terdiri daripada butir-butir responden seperti jantina, etnik, bidang pengkhususan mata pelajaran ketika di Universiti Perguruan, pengalaman mengajar dan bilangan waktu mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu seminggu.

Bahagian B: Persepsi Responden Terhadap Pengurangan Waktu Pengajaran Kemahiran Hidup Bersepadu Daripada Empat Waktu Kepada Tiga Waktu. Satu Tinjauan di Sekolah Menengah Daerah Hilir Perak, Perak Darul Ridzuan.

Bahagian B pula mengandungi item-item soal selidik yang bertujuan meninjau pandangan responden yang dikaji terhadap tiga faktor utama pengurangan waktu pengajaran Kemahiran Hidup Bersepadu daripada empat waktu kepada tiga waktu. Tiga faktor tersebut ialah pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran, pengurusan bengkel dan penilaian serta pelaksanaan kerja kursus.

Kajian Rintis

Kebolehpercayaan instrumen dilakukan melalui satu kajian rintis. Kajian rintis ini bertujuan menguji kebolehpercayaan item-item dalam soal selidik yang digunakan sebagai instrumen kajian. Penyelidik dapat mengetahui kesesuaian keseluruhan instrumen kajian dan memastikan sama ada item-item soalan tersebut mudah difahami dan tidak mengelirukan.

Dalam kajian rintis, seramai 9 orang guru dari Sekolah Menengah Kebangsaan Impian Emas dan 10 orang guru dari Sekolah Menengah Kebangsaan Kempas yang mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu dipilih untuk menjalani kajian rintis ini kerana mereka mempunyai ciri-ciri yang sama dengan populasi yang dihendaki.

Dalam kajian rintis, Kaedah Alpha Cronbach digunakan kerana semua item menyoal perkara yang sama, maka responden akan memberikan jawapan yang sama untuk setiap item yang mengukur konstruk yang sama (Mohd. Najib, 1999).

Pekali Alpha (kebolehpercayaan) bagi kajian rintis ditentukan dengan penggunaan perisian SPSS (*Statistical Packages For The Social Science*). Pekali Alpha yang terdapat bagi soalan kajian penyelidik adalah 0.845. Menurut Mohd Majid Konting (2000), pekali kebolehpercayaan yang lebih daripada 0.60 sering digunakan dalam penyelidikan.

PERBINCANGAN

Latar Belakang Responden

Hasil kajian guru Kemahiran Hidup Bersepadu pada 11 buah sekolah di Hilir Perak menunjukkan kebanyakan daripada responden berasal dari bidang pengkhususan mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu iaitu sebanyak 75.8% responden. Major subjek responden adalah Teknikal dan Vokasioanl, Ekonomi Rumah Tangga, Perdagangan dan Keusahawan serta Pertanian. Walaubagaimanapun, terdapat sebilangan guru iaitu sebanyak 24.2% responden berasal bukan dari bidang pengkhususan mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu. Major subjek responden adalah Bahasa Cina, Bahasa Melayu, Ekonomi Asas, Kejuruteraan Mekanikal, Matematik, Perakaunan, Perdagangan dan Reka cipta dan Teknologi Maklumat (IT). Ini menunjukkan bidang pengkhususan responden yang berlainan daripada bidang yang dipelajari ketika di Universiti sedikit sebanyak menjejaskan tahap penilaian guru terhadap pengurangan waktu pengajaran Kemahiran Hidup Bersepadu daripada empat waktu kepada tiga waktu.

Selain itu, dapat disimpulkan bahawa guru Kemahiran Hidup Bersepadu adalah tidak mencukupi. Fenomena ini mungkin berlaku disebabkan ramai orang yang berpendapat bahawa mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu adalah mata pelajaran yang tidak penting maka terdapat berlainan bidang guru yang mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup.

Persoalan 1: Apakah pandangan guru Kemahiran Hidup Bersepadu mengenai kesan pengurangan waktu terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu?

Berdasarkan kepada analisis terhadap persoalan kajian 1, penyelidik mendapati bahawa pandangan guru Kemahiran Hidup Bersepadu mengenai kesan pengurangan waktu terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu nilai min adalah tinggi iaitu 3.6742. Ini menunjukkan terdapat kesan kekangan di antara responden dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu.

Mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian Teras dan Pilihan. Terdapat banyak topik yang perlu guru untuk menghabiskan silibus dalam masa yang tertentu. Ini tentu menimbulkan masalah kepada pelajar dalam menghadapi proses pembelajaran terutama pada pelajar yang lemah. Maka kebanyakan pelajar tidak dapat menguasai topik yang dipelajari kerana guru tiada masa untuk mengajar secara teliti kepada setiap pelajar.

Kamaruddin (1997), kesediaan belajar merujuk kepada situasi yang wujud dalam diri seseorang individu yang memungkinkannya belajar. Ini mungkin melibatkan ciri-ciri yang akan menghalang pembelajarannya. Konsep kesediaan belajar selalu difahamkan sebagai kesanggupan belajar yang menegaskan perkaitan beberapa pekara bagi menentukan reaksi seseorang terhadap situasi-situasi yang memerlukan pembelajaran itu. Thorndike dalam kajian Kamarudin (1997) menyatakan proses pembelajaran akan menjadi berkesan sekiranya sudah wujud kesediaan dalam pelajar-pelajar untuk menerimanya. Pembelajaran itu tidak boleh dipaksa jika belum sampai masanya dan sekiranya dilakukan juga, ianya tidak akan menghasilkan sesuatu yang baik dan sempurna.

Berdasarkan hasil dapatan, nilai min yang tertinggi pada item 5 adalah sebanyak 4.4677 mengatakan bahawa masa untuk menjalankan aktiviti amali tidak mencukupi. Daripada pernyataan tersebut dapat disimpulkan bahawa beban guru dan pelajar amat berat kerana perlu menyiapkan kerja-kerja amali dalam tempoh yang singkat. Beban ini juga lebih ternyata terutamanya kepada guru yang mengajar pelajar PMR kerana tempoh penilaian markah adalah pada bulan oktober.

Secara langsung, kerja amali ini menjadi beban kepada pelajar kerana kebanyakan masa belajar diperuntukkan dalam pelaksanaan kerja kursus dan masa belajar teori adalah singkat. Menurut Lee Shok Mee (1986), kadangkala murid memerlukan masa panjang dan berbagai-bagai jenis aktiviti untuk mempelajari sesuatu kemahiran. Dalam keadaan begini, aktiviti sokongan boleh diselitkan dalam proses pembelajaran ini supaya memberi kerehatan dan secara tidak langsung mengukuhkan penguasaan atas kemahiran itu.

Guru memainkan peranan yang penting dalam merancang dan pembahagian masa untuk menyiapkan kerja amali pelajar. Di sebaliknya fenomena yang berlaku adalah pelajar juga dikehendaki mengejar masa untuk membuat kerja amali. Dalam masa yang pendek, ini adalah sukar untuk pelajar tahu arah tuju mereka apa yang telah dipelajari. Mengikut Weiner dalam kajian Saedah Sijah, Zainun Ishak dan Tunku Mohani (1996) menyatakan kejayaan atau kegagalan boleh disebabkan oleh empat perkara, iaitu kebolehan, usaha, nasib dan kesukaran tugas pembelajaran. Ini dipersetujui oleh Sabri Ahmad (2003), kualiti kerja adalah sama pentingnya dengan kuantiti. Sebenarnya, tidak berfaedah untuk belajar beberapa jam tetapi tidak efektif.

Tujuan kerja amali diadakan agar pelajar diberi peluang pendedahan kenal faham teknologi yang meliputi aspek pembuatan, pemasangan, merekacipta, menjalankan kerja buat sendiri yang mudah, merancang dan mencuba idea-idea, mengurus dan menilai serta mengendalikan maklumat dengan cara pendokumentasian. Melalui pelaksanaan kerja amali dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu pelajar berpeluang membina sesuatu secara kreatif dan inovatif. Idea yang tercetus pada diri pelajar dengan mengaitkan pelajaran ini dan mengaplikasikan dalam urusan kehidupannya.

Analisa item 8 pula mendapat nilai min yang terendah iaitu sebanyak 3.0968 mengatakan bahawa pengaplikasian dalam aktiviti amali pelajar tidak tercapai. Ini menunjukkan kejayaan pada seorang guru adalah terletak pada cara pelaksanaan pembelajaran di mana bergantung kepada kecekapan dan ketrampilan guru dalam merancang dan menguruskan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Menurut Abdul Rahim (1999), guru harus dapat menguruskan masa dengan baik dan berkesan, menghargai masa dan dapat mengoptimalkan kerja dengan dedikasi tanpa mengelat atau mengabaikannya. Kecekapan menggunakan masa, untuk meningkatkan pembelajaran pelajar amat penting dalam pengurusan bilik darjah. Selain itu, guru harus dapat merancang dan melaksanakan perancangan dengan berkesan, fleksibiliti dalam melaksanakan perancangan, dapat meningkatkan prestasi dan kemajuan akademik pelajar, mengadakan perancangan yang teratur dan menjurus kepada matlamat yang ingin dicapai.

Sebagai guru yang profesional dan berpengalaman, mereka perlu memperbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran agar dapat menimbulkan minat terhadap pelajar. Crow (1980), mengatakan bahawa minat merupakan daya penggerak utama yang menuju kejayaan seseorang. Jika seseorang itu berminat walaupun mempunyai kebolehan yang sederhana, mereka boleh mengembangkan minat dan terus berusaha dengan gigih sehingga berjaya

Menurut Atan Long (1980), pengajar yang baik akan sentiasa mencari punca kelemahan pelajar di dalam pelajaran dan memperbaiki kelemahannya. Selain itu, guru akan sentiasa membuat penilaian-penilaian tentang pembelajaran pelajar supaya kelemahan pelajar dapat diketahui dan diperbaiki sebelum hal itu semakin serius.

Kesimpulannya, responden mengakui bahawa terdapat kesan dalam konteks pengurangan waktu terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu daripada empat waktu kepada tiga waktu. Maka guru memainkan peranan yang penting, seseorang guru bukan sahaja perlu membuat persediaan dari segi rancangan mengajar, tetapi juga harus sentiasa bersedia untuk berkomunikasi bersama pelajar untuk memastikan pelajar yang lemah tidak ketinggalan.

Persoalan 2: Apakah pandangan guru Kemahiran Hidup Bersepadu mengenai kesan pengurangan waktu terhadap pengurusan bengkel Kemahiran Hidup Bersepadu?

Menerusi kajian ini, penyelidik mendapati bahawa pandangan guru Kemahiran Hidup Bersepadu mengenai kesan pengurangan waktu terhadap pengurusan bengkel Kemahiran Hidup Bersepadu. min keseluruhan adalah tinggi iaitu 4.0597. Ini jelas bahawa kebanyakan responden tiada masa untuk menjalankan tugasnya dalam konteks pengurusan bengkel. Responden mempunyai tugas tambahan yang terlalu banyak dan secara langsung akan menjejaskan prestasi pengajaran dan menyebabkan responden kekurangan masa untuk mengurus bengkel.

Dapatan yang sama juga diperolehi dalam kajian Mohd Ariffin (1999) iaitu guru-guru Kemahiran Hidup Bersepadu menerima tugas-tugas selain mengajar yang terlalu banyak dan membebankan. Ini telah menyebabkan guru-guru Kemahiran Hidup Bersepadu tidak dapat menumpukan perhatian dalam aspek pengajaran dan pengurusan bengkel.

Dapatan kajian ini juga disokong oleh dapatan kajian Saw Bee Kheng (1997) bahawa pengurusan bengkel amat penting dalam pengajaran Kemahiran Hidup Bersepadu. Guru-guru dikehendaki menguruskan semua kelengkapan dan bahan-bahan untuk kerja amali, pengurusan ini termasuklah tugas penyelenggaraan peralatan. Guru-guru bukan sahaja bertindak sebagai pendidik, malahan juga sebagai seorang pengurus, penyelia dan pembimbing. Terdapat kesulitan di kalangan guru-guru ERT untuk menguruskan bengkel elektrik, elektronik, logam dan kayu.

Item 17 mendapat nilai min yang paling tinggi iaitu 4.5000 bahawa responden memerlukan bantuan formen untuk menjaga kebersihan dan pengemaskinian bengkel. Peranan guru adalah amat berat, oleh itu, untuk mengurangkan bebanan guru, seorang formen akan dilantik pada setiap wakil kelas. Kemudian formen akan menyediakan carta organisasi untuk membersihkan bengkel setiap kali kerja amali dijalankan di bengkel.

Menurut Newcomb, L.H., Mac Cracken, J.D dan Warmbrod, JR. (1986), menyatakan bahawa salah satu langkah yang perlu diikuti oleh guru dalam menamatkan kelas amali ialah memastikan setiap pelajar terlibat dalam membersihkan seluruh makmal. Oleh itu, setiap pelajar mesti mempunyai tugas yang tertentu dalam membersihkan makmal selepas amali. Guru perlu menyediakan jadual giliran bertugas bagi memastikan kerja-kerja pembersihan makmal berjalan lancar.

Organisasi hendaklah menentukan dan menyediakan sumber keperluan yang hendak dilaksanakan dan dikekalkan agar sistem pengurusan berkualiti memberi kesan yang berterusan dan memastikan keselamatan pelajar terjaga. Oleh itu, sebagai seorang pengurus bengkel harus menjalankan aktiviti organisasi secara sistematik dan bertahap. Sikap positif guru terhadap pekerjaan selalunya membawa kepada prestasi dan kepuasan kerja yang cemerlang maka produktiviti organisasi bengkel dapat dipertingkatkan.

Analisa item 14 pula mendapat nilai min responden yang terendah iaitu 3.0806 bahawa kes kemalangan yang berlaku dalam bengkel meningkat kerana pelajar perlu menghabiskan kerja amali dalam masa yang suntuk. Ini menunjukkan bahawa sebagai seorang guru bengkel, guru perlu bertanggungjawab terhadap pengurusan bengkel dan membimbing pelajar supaya sentiasa patuh dengan arahan dan juga sentiasa mengamalkan amalan keselamatan bengkel. Jika setiap langkah dijalankan secara berhati-hati maka kes kemalangan di bengkel dapat dikurangkan.

Menurut Peranan Pusat Perkembangan Kurikulum dalam kajian Lee Weng Keong (2003), peranan dan tanggungjawab pentadbir, guru dan murid atau pelajar di sekolah adalah penting untuk memastikan aktiviti yang dijalankan dalam keadaan selamat. Pentadbir, guru dan pelajar juga perlu mengetahui dan memahami cara atau langkah-langkah keselamatan semasa kerja praktis dijalankan.

Guru Kemahiran Hidup Bersepadu bertanggungjawab melaporkan keadaan yang berbahaya, mengelola bengkel untuk mencegah berlakunya kemalangan, memeriksa keadaan keselamatan, memahami punca-punca kemalangan, menyediakan semua murid dengan langkah-langkah keselamatan, mentadbir, merekod dan menfailkan ujian-ujian keselamatan, menyediakan arahan-arahan keselamatan bagi penggunaan alatan tangan dan mesin-mesin berkuasa (Sanusi Mohd Sidin, 2000).

Menurut Todd (1981), guru dan pihak pentadbir sekolah hendaklah bersamasama bertanggungjawab bukan hanya dalam pembelian peralatan, malah ia perlu meliputi keselamatan makmal, penyediaan peralatan dan lain-lain. Namun begitu tanggungjawab guru lebih tertumpu kepada pengajaran, penjagaan dan operasi peralatan serta juga mengawal dan menyelia pelajar semasa amali dalam makmal.

Kesimpulannya, responden mengakui bahawa terdapat kesan dalam konteks pengurangan waktu terhadap pengurusan bengkel Kemahiran Hidup Bersepadu daripada empat waktu kepada tiga waktu. Maka guru

memainkan peranan yang penting dari segi pengurusan masa dan pembahagian tugas untuk mengurangkan bebanannya.

Persoalan 3: Apakah pandangan guru Kemahiran Hidup Bersepadu mengenai kesan pengurangan waktu terhadap penilaian dan pelaksanaan kerja kursus Kemahiran Hidup Bersepadu?

Berdasarkan analisis terhadap persoalan kajian 3, penyelidik mendapati bahawa pandangan guru Kemahiran Hidup Bersepadu mengenai kesan pengurangan waktu terhadap penilaian dan pelaksanaan kerja kursus Kemahiran Hidup Bersepadu nilai min adalah tinggi iaitu 3.9258. Ini menunjukkan bebanan pada guru dan pelajar terpaksa mengejar masa untuk menyiapkan kerja kursus akibat daripada pengurangan waktu Kemahiran Hidup Bersepadu daripada empat waktu kepada tiga waktu.

Menurut Ralph W. Tyler (1991), seseorang itu tidak dinilai sesuatu program pengajaran hanya dengan menguji pelajar pada peringkat akhir suatu program, kita tidak dapat menentukan setakat mana perubahan telah berlaku. Dalam sesetengah kes ada kemungkinan bahawa telah mencapai objektif yang telah ditetapkan sebelum mereka memulakan pengajaran yang berkaitan dengan objektif itu. Dalam kes yang lain pula, pelajar mempunyai pencapaian yang sedikit sebelum pengajaran dilakukan dan segala pencapaian di akhir kursus adalah hasil daripada pengajaran.

Menurut Sharifah Alwiah (1983), kerja amali dan praktikal adalah komponen penting dalam pembelajaran mata pelajaran yang berasaskan sains dan kemahiran. Kefahaman dan kesedaran pelajar terhadap pembelajaran kerja amali adalah penting kerana persepsi seseorang tentang sesuatu situasi akan menentukan fahaman dan tingkah laku mereka dalam situasi tersebut.

Menurut Pusat Perkembangan Kurikulum (1994), penilaian hendaklah merangkumi semua objektif pengajaran dan pembelajaran. Penilaian yang dijalankan (dalam Kemahiran Hidup), tidak seharusnya menekankan konsep lulus atau tidaknya seseorang pelajar. Sebaliknya hendaklah menekankan sama ada seseorang pelajar itu telah menguasai atau belum sesuatu aspek yang dinilai. Penilaian juga seharusnya tidak menekankan perbandingan pencapaian antara seorang pelajar dengan pelajar yang lain.

Item 25 mendapat nilai min yang tertinggi iaitu 4.3065, bahawa pelajar yang lemah menghadapi kesukaran menyiapkan kerja projek. Pelajar-pelajar diwajibkan menyediakan pelbagai jenis kerja kursus daripada setiap pecahan komponen, baik samada berupa projek ataupun penulisan berbentuk folio, sebagaimana yang telah disyaratkan untuk menduduki peperiksaan bagi pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu Peperiksaan Mengah Rendah (PMR). Penilaian markah bermula dari Tingkatan 1 (10%), Tingkatan 2 (20%) hingga Tingkatan 3 (10%). Jumlah markah adalah 40 peratus ini akan dimasukkan ke dalam keputusan PMR. Penilaian pada kerja kursus akan dibuat oleh guru yang mengajarnya. (Sukatan pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu, 2000).

Kerja kursus ini menjadi beban kepada pelajar kerana kebanyakan masa belajar diperuntukkan dalam pelaksanaan kerja kursus dan masa belajar teori adalah singkat. Menurut Kamarudin (1997), kesediaan pembelajaran di antara seseorang individu dengan seseorang individu yang lain biasanya tidak ketara. Ini adalah kerana tahap atau proses pertumbuhan dan perkembangan mereka tidak sama dan searah. Walaupun terdapat semacam satu kecenderungan am yang sama dalam pertumbuhan mereka, tetapi dari segi fizikal, mental emosi dan sosial mereka tetap berbeza. Biasanya, hal-hal seperti inilah yang banyak menimbulkan masalah kepada guru-guru, sama ada pada peringkat kesediaan, perancangan ataupun pada peringkat melaksanakan pengajaran mereka.

Kajian yang dilakukan oleh Omar (1995), mendapati bahawa bantuan yang diberikan oleh guru dapat menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi oleh pelajar semasa menjalankan kerja-kerja amali. Ini

didapati daripada hasil kajian yang tinggi daripada kajian beliau di mana guru memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan prestasi pembelajaran pelajar dalam Kemahiran Manipulatif

Analisa item 29 pula mendapat nilai yang terendah iaitu sebanyak 3.4194, bahawa sebilangan pelajar mendapatkan bantuan keluarga untuk menyiapkan projek mereka. Ini menunjukkan bahawa walaupun masa kerja kursus dihadkan dalam tempoh tertentu, pelajar juga tetap dapat menyiapkan kerjanya. Hasil kerja kursus pelajar berkemungkinan besar tidak mencapai kualiti seperti yang dijangkakan.

Di dalam setiap peringkat pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah, guru dikehendaki sentiasa menjalankan penilaian untuk menentukan sama ada objektif pengajaran dan pembelajaran yang telah ditetapkan itu dapat dicapai atau tidak (Shok Mee, 1991). Menurut Ibrahim (1999), untuk menentukan sama ada pembelajaran benar-benar terjadi atau tidak, ia perlu dilakukan dengan proses pengukuran dan penilaian dalam domain psikomotor adalah diutamakan.

Para pelajar diberi peluang pendedahan kenal faham teknologi yang meliputi aspek pembuatan, pemasangan, merekacipta, menjalankan kerja buat sendiri yang mudah, merancang dan mencuba idea-idea, mengurus dan menilai serta mengendalikan maklumat dengan cara pendokumentasian. Melalui pelaksanaan kerja amali dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu pelajar berpeluang membina sesuatu secara kreatif dan inovatif. Idea yang tercetus pada diri pelajar dengan mengaitkan pelajaran ini dan mengaplikasikan dalam urusan kehidupannya.

Pengalaman ini merupakan satu persediaan asas untuk membolehkan pelajar mengembangkan kemahiran dalam menghadapi dan mengatasi cabaran hidup, serta kemahiran mengembangkan diri supaya menjadi individu yang produktif. Pengalaman ini juga memberi peluang kepada pelajar memperolehi kemahiran belajar untuk meningkatkan daya pemikiran dan kebolehan mengurus pembelajaran sendiri. (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1992).

Kesimpulannya, responden mengakui bahawa terdapat kesan dalam konteks pengurangan waktu terhadap penilaian dan pelaksanaan kerja kursus Kemahiran Hidup Bersepadu daripada empat waktu kepada tiga waktu. Ciri keesahan di dalam penilaian dan pelaksanaan kerja kursus adalah bergantung setakat mana guru menilai kerja kursus amali pelajar yang dapat memenuhi objektifnya. Oleh itu, penilaian tidak seharusnya dibuat dengan perbandingan pencapaian antara pelajar dengan pelajar yang lain.

RUMUSAN

Guru berpendapat bahawa pengurangan waktu daripada empat waktu kepada tiga waktu membawa kesan yang negatif terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu. Majoriti guru berpendapat bahawa masa untuk menjalankan aktiviti amali tidak mencukupi. Responden juga berpandangan bahawa pengaplikasian dalam aktiviti amali pelajar tidak tercapai.

Persepsi guru bahawa pengurangan waktu daripada empat waktu kepada tiga waktu membawa kesan yang negatif terhadap pengurusan bengkel Kemahiran Hidup Bersepadu. Majoriti guru berpendapat bahawa responden memerlukan bantuan formen untuk menjaga kebersihan dan pengemaskinian bengkel. Responden juga berpandangan bahawa kes kemalangan yang berlaku dalam bengkel meningkat kerana pelajar perlu menghabiskan kerja amali dalam masa yang suntuk.

Persepsi guru bahawa pengurangan waktu daripada empat waktu kepada tiga waktu membawa kesan yang negatif terhadap penilaian dan pelaksanaan kerja kursus Kemahiran Hidup Bersepadu. Majoriti guru berpendapat bahawa pelajar yang lemah menghadapi kesukaran menyiapkan kerja projek. Responden juga responden berpandangan bahawa sebilangan pelajar mendapatkan bantuan keluarga untuk menyiapkan projek mereka.

RUJUKAN

- Abd. Karim Bin Desa (1994). *Keberkesanan Pengajaran Guru-Guru Kemahiran Hidup Bersepadu Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis
- Abdul Rahim Abdul Rashid (1999). *Profesionalisme Motivasi Pengurusan Bilik Darjah*. Terbitan Pertama. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Abdul Rahim Mohd Saad (1998). *Peranan Teknologi Ke Arah Kecemerlangan Dalam Pendidikan*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Abdul Rahim Hamdan, Ahmad Johari Sihes, Jamaluddin Ramli dan Musa Ismail (2006). *Tahap Minat, Pengetahuan dan Kemahiran, Latihan Guru dan Beban Tugas Guru Program Pemulihan Khas Sekolah Kebangsaan Daerah Pontian, Johor*. Tesis Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup). http://eprints.utm.my/2231/1/5_7.pdf
- Ahmad Md. Hassan (1993). *Permasalahan Yang Dihadapi Di Kalangan Guru Kemahiran Hidup*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup).
- Abdul Shukur (1991). *Pengurusan Organisasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amir hasan Dawi (1999). *Pentoeorian Sosiologi Dan Pendidikan*. Tanjong Malim: Quantum Books.
- Asmah bt Hj. Ahmad (1989). *Pedagogi 1*. Selangor: Ling Wah Press Sdn.Bhd.
- Atan Long (1980). *Pedagogi : Kaedah Am Mengajar*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamuludin Ramli, Yusof Boon dan Abdul Rahim Hamdan (2007). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: BS Print (M) Sdn Bhd.
- Crow, L.D. and Crow, A. (1960). *An Introduction to Guidance*. 2nd, ed. New York: American Book Company.
- Crow and Crow, A. (1980). *Psikologi Pendidikan untuk Perguruan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Drucker, P.F. (1954). *The Practice of Management*. New York: Harper and Row.
- Esah Sulaiman (2003). *Amalan Profesionalisme Perguruan*. Sudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Fayol, H (1916). *General and Industrial Management*. Dalam Wren, D. A. The Evolution of Management Thought. New York: John Wiley & Sons Inc.